

05 APR 2002

Mahathir-Terima Kasih (Bergambar)

DR MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH SEMUA PIHAK

LANGKAWI, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana sokongan dan sumbangan mereka dapat membantu memajukan negara ini.

Beliau berkata tanpa sokongan rakyat berbilang kaum yang cintakan keamanan amat sukar negara untuk mencapai kemajuan seperti yang dinikmati sekarang.

"Tanpa sokongan rakyat, mustahil kerajaan dapat memajukan negara dan usaha majukan negara menjadi lebih mudah kerana rakyat suka hidup aman damai," katanya pada Majlis Malam Terima Kasih Perdana Menteri anjuran Barisan Nasional Langkawi di sini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kerajaan kerana dapat menjalankan pentadbiran negara ini dengan cekap dan baik.

Terima kasih juga diucapkan kepada pengusaha dan peniaga kerana mustahil untuk membangunkan negara ini tanpa mempunyai pengusaha dan peniaga yang cekap, katanya.

"Kalau ada kepimpinan politik yang baik, pegawai dan kakitangan kerajaan yang baik tetapi tanpa peniaga yang cekap, mustahil juga kita dapat bangunkan negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata negara dapat dimajukan kerana semua pihak itu memberikan kerjasama kepada kerajaan dan tidak menimbulkan banyak masalah.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada menteri-menteri, menteri besar dan ketua menteri, exco, anggota dewan undangan negeri, anggota Parlimen dan senator.

"Apabila ucap terima kasih kepada Perdana Menteri, ia bermakna ucapan itu diberikan juga kepada menteri-menteri, menteri besar, exco, adun, anggota Parlimen dan senator kerana saya adalah ketua kepada mereka," katanya.

Mengenai dirinya, Dr Mahathir berkata tanpa sokongan rakyat mustahil beliau dapat dipilih menjadi wakil rakyat, Menteri Pendidikan, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri selama 21 tahun.

Beliau berkata pencapaian itu adalah hasil daripada sokongan rakyat kepadanya dan "sebenarnya sayalah yang sepatutnya berterima kasih kerana sokongan rakyat,".

"Sokongan itu memberi semangat dan saya bersyukur kepada Allah kerana diberi peluang untuk berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara,"

Majlis itu dianjurkan khas bagi menyampaikan rasa terhutang budi kepada Perdana Menteri yang telah banyak mencurahkan bakti kepada Langkawi dan rakyatnya sehingga menjadikan Langkawi dari sebuah pulau yang sepi kepada sebuah pulau pelancongan yang terkenal seluruh dunia.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

JM MZM NH FAZ